

Persepsi Pelabur Luar Terhadap Pusat-Pusat Perindustrian di Negeri Kedah: Pola dan Implikasinya

Morshidi Sirat

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan untuk menyingkap beberapa aspek penting persepsi pelabur-pelabur luar terhadap pusat-pusat perindustrian di wilayah-wilayah pinggir. Premis artikel ini ialah bahawa dasar kerajaan untuk menyebarkan industri ke wilayah-wilayah pinggir kurang berkesan oleh sebab, antara lain, pelabur-pelabur luar mempunyai persepsi negatif (dan kerap kali kurang tepat) terhadap lokasi-lokasi pinggir. Berdasarkan data daripada sejumlah 120 firma sampel di Pulau Pinang dan 64 firma di Kedah, artikel ini membincangkan pola ruangan persepsi pelabur luar. Beberapa implikasi penemuan juga dijelaskan.

ABSTRACT

This article tries to unravel several important aspects of external investors' perceptions of peripheral industrial locations. The premise of this article is that the government's industrial decentralisation policy was, to some extent, less successful because, among other things, external investors have negative (and in most instances, inaccurate) perceptions of peripheral locations. Based on a survey of 120 sample firms in Penang and 64 firms in Kedah, this article attempts to explicate external investors perceptions in terms of their spatial patterns and their implications.

PENGENALAN

Dalam suasana kelembapan ekonomi di peringkat antarabangsa dalam awal tahun lapan puluhan masalah wilayah-wilayah yang sedang dalam proses penyusunan semula atau mengalami ketenatan akibat ketiadaan pembangunan menjadi kurang penting. Sebaliknya, prioriti kerajaan di kebanyakan negara membangun beralih

kepada tindak usaha untuk mengatasi masalah ekonomi nasional (Abrechts et al. 1989). Pengenduran aktiviti perancangan wilayah ini tidak wajar. Hakikatnya ialah masalah wilayah adalah satu dimensi penting isu-isu nasional dan antarabangsa oleh kerana proses-proses seperti kemelesatan ekonomi lazimnya mengakibatkan penurunan dalam taraf sosio-ekonomi wilayah (Albrechts, et al. 1989). Sepatutnya penekanan terhadap perancangan wilayah diteruskan, tetapi bentuk campurtangan perlu dinilai semula untuk menjadikan aktiviti ini lebih relevan kepada keadaan semasa.

Dalam tahun-tahun enam puluhan dan tujuh puluhan, dasar perancangan wilayah bertujuan untuk mempengaruhi aliran modal pelaburan dalam sektor industri antara negara dan juga antara wilayah (Morshidi 1988; 1991). Strategi penyelerakan industri ini ditekankan jika, pada pendapat pembuat dasar, ia tidak menjejaskan pembangunan ekonomi negara. Jika perlaksanaannya terlalu ketat kemungkinan industri yang sedang dalam proses mencari lokasi operasi akan membuat keputusan untuk memulakan operasi di negara jiran yang tidak kurang juga daya tarikannya.

Untuk melaksanakan dengan berkesan dasar penyelerakan industri di negara-negara membangun beberapa rintangan mesti diatasi terlebih dahulu, dan antara rintangan yang terpenting sekali ialah kecenderungan modal daripada luar negara untuk memusat ke wilayah yang lebih maju (Morshidi 1988; 1991). Pemusatan ini adalah kesan daripada peranan bersama beberapa faktor tarikan seperti terdapatnya infrastruktur berkualiti seperti pelabuhan dan lapangan terbang di kawasan pusat, dan kemudahan-kemudahan ini melicinkan lagi operasi firma dari segi pemindahan bahan input, keluaran dan, tidak kurang penting juga, pergerakan kakitangan. Kemungkinan juga infrastruktur telekomunikasi adalah di antara yang terbaik dan persekitaran operasi, dari segi rantaian, adalah yang paling memuaskan. Oleh kerana ini, walaupun banyak pelaburan yang mengalir masuk ke sesebuah negara – ini benar bagi negara-negara di rantau Asia – kerajaan tidak terdaya untuk menyelerakkan pelaburan ke wilayah pinggir.

Masalah pengaruh faktor persepsi dalam pembangunan ruang telah dikenalpasti oleh Hirschman (1958). Menurut beliau, usahawan berkecenderungan untuk mengada-adakan peluang pelaburan sebenar di kawasan pusat. Sebaliknya, para usahawan mempunyai pengetahuan yang cetek, tidak sempurna dan bias terhadap peluang-peluang pelaburan di kawasan pinggir. Maka mereka

memperkecilkan faedah dan peluang pelaburan di kawasan ini, dan sekaligus memperbesar-besarkan kendala dan masalah operasi.

Hipotesis Hirschman ini ada benarnya, dan ini telah dibuktikan oleh kajian Morshidi (1988, 1991) dalam kes negeri Kedah. Tindak usaha untuk menyelerakkan aktiviti industri keluar daripada wilayah utama kurang berjaya oleh kerana, antara lain, para usahawan terpengaruh dengan 'peta minda' yang kurang tepat – iaitu kawasan pinggir tidak mempunyai peluang pelaburan ataupun persekitaran operasi di kawasan ini menimbulkan pelbagai masalah (Morshidi 1988, 1991). Dalam banyak keadaan, persepsi pelabur luar (iaitu mereka yang beroperasi di negeri Pulau Pinang) bercanggah dengan pengalaman mereka yang beroperasi di negeri Kedah. Persepsi begini telah, sedikit sebanyak, melembapkan kesediaan industrialis luar untuk melabur di kawasan pinggir, kecuali kelompok-kelompok kecil yang betul-betul berani mengambil risiko. Tetapi, kesimpulan yang telah dinyatakan dengan ringkas di atas dibuat berdasarkan kepada imej agregat pelabur luar, tetapi, seperti mana yang kita sedia maklum, kawasan pinggir seperti negeri Kedah nyata sekali tidak bersifat homogen. Perbezaan bolehlah dijangkakan oleh kerana pusat-pusat perindustrian di negeri Kedah tidak sama jaraknya daripada negeri Pulau Pinang. Maka artikel ini bertujuan untuk menerokai keadaan sebenar. Adakah persepsi terhadap pusat-pusat pembangunan industri di negeri Kedah ini serupa atau berbeza? Jika ada yang dianggap sebagai kurang memuaskan, dari segi apakah janya dinilai begini? Paling penting ialah adakah persepsi pelabur luar terhadap lokasi-lokasi di negeri Kedah berbeza daripada penilaian pelabur yang sedang beroperasi di negeri ini?

TINJAUAN KE ATAS KAJIAN-KAJIAN YANG LEPAS

Sebelum akhir tahun tujuh puluhan idea Hirschman tentang perkaitan persepsi-pembangunan ruangan disambut dingin oleh pengkaji-pengkaji yang terlibat dengan masalah pembangunan ruangan. Ini tidak menghairankan oleh kerana teori yang cuba menjelaskan proses ketidakseimbangan pembangunan, terutama sekali diperingkat nasional, pada masa itu terlalu bergantung kepada faktor ekonomi atau normatif (Morshidi 1988). Daripada sejumlah kecil kajian berasaskan persepsi dalam tahun tujuh puluhan sebilangan

besar dijalankan dalam konteks imej ruangan nasional para pelajar dan golongan yang sudah tamat persekolahan. Asas konseptual kajian imej ini ialah penyelidikan berkaitan dengan kawasan kediaman pilihan migran dan ruang pilihan konsumen (Downs & Stea 1977; Gould & White 1974). Utiliti kajian serupa ini kepada pemantapan teori pembangunan wilayah tidak begitu jelas. Walau bagaimanapun, pada ketika itu, beberapa kajian yang cuba mengaitkan persepsi dengan perletakan industri telah dijalankan, dan tiga tema utama boleh dikenalpasti (Morshidi 1988, 1991): (1) pengaruh kerajaan terhadap persepsi pengurus (Green 1974, 1977; Neville & Taylor 1980), (2) penelitian sikap pengurus kepada alam sekitaran operasi setelah aktiviti pembuatan dimulakan (misalnya, Mueller et al. 1961; Newby 1971; Stafford 1974; Barr & Waters 1980), dan (3) persepsi pengurus terhadap ruang ekonomi nasional (McDermott & Taylor 1976).

Secara ringkas, Green (1974, 1977) dan Neville dan Taylor (1980) telah menerokai kaedah-kaedah yang boleh digunakan oleh kerajaan untuk mempengaruhi dengan lebih berkesan lagi persepsi pengurus. Green telah meneliti persepsi pengurus terhadap polisi kerajaan untuk memajukan aktiviti industri di Britain. Menurut beliau lazimnya keputusan berkenaan dengan pertapakan industri dibuat berasaskan pengetahuan yang cetek dan maklumat yang kurang tepat, terutama sekali tentang polisi galakan wilayah. Sarannya ialah supaya kesedaran pengurus tentang sistem galakan industri yang ditawarkan dipertingkatkan. Beliau percaya bahawa dengan peningkatan ini lebih banyak firma boleh ditarik ke kawasan-kawasan yang ingin dimajukan. Neville dan Taylor pula menilai sejauh mana kejayaan tindak usaha kerajaan untuk membentuk persepsi pengurus firma-firma elektronik dan plastik di Singapura. Mereka berpendapat bahawa kerajaan telah berjaya dalam membentuk persepsi pengurus, terutama sekali pengurus dari firma-firma besar. Golongan ini, menurut mereka, berpandangan positif terhadap suasana operasi tempatan. Sebaliknya, pengurus dari firma-firma kecil berpandangan negatif. Menurut pengkaji, kemungkinan ini merupakan satu faktor penting mengapa Singapura telah berjaya menarik masuk sejumlah besar firma-firma berorientasikan eksport. Daripada kajian ini boleh disimpulkan bahawa struktur organisasi dan bukan jenis keluaran yang telah mempengaruhi sikap pengurus. Dalam kata lain perbezaan sikap adalah fungsi struktur organisasi firma.

Kajian Mueller et al. (1961) terhadap pengurus-pengurus kilang di Michigan, Amerika Syarikat merupakan satu-satunya kajian yang tergolong ke dalam tema kedua di atas. Beliau dan rakan-rakan telah berjaya membuktikan perkaitan di antara sikap pengusaha dengan keputusan berkaitan dengan perletakan semula dan pengembangan kilang. Menurut mereka, keputusan untuk mengembangkan operasi di luar kawasan Michigan telah dipengaruhi oleh pandangan negatif terhadap keadaan operasi setempat. Kemungkinan, walaupun ini tidak ditegaskan oleh pengkaji, terdapat salah anggapan tentang keadaan sebenar. Seterusnya, kajian Newby (1971) di Barat Laut England (kawasan yang dikategorikan oleh kerajaan British sebagai kawasan prioriti pembangunan) meskipun kurang menyeluruh tidak kurang pentingnya. Dia membuat kesimpulan bahawa perletakan semula ke kawasan ini adalah berdasarkan kepada satu imej kawasan yang kurang sesuai – iaitu kawasan ini adalah kawasan percutian yang paling menarik sekali. Inilah imej yang telah ditonjolkan oleh lembaga pembangunan kawasan dan, oleh kerana ini, pelbagai masalah telah timbul, terutama sekali berkaitan dengan masalah kesampaian. Tema sikap pengurus terhadap keadaan operasi tempatan ini telah diterokai juga oleh Stafford (1974) dalam kajiannya ke atas sekumpulan kecil pengusaha-pengusaha di Ohio, Amerika Syarikat. Kajian ini, dari segi kaedah, berbeza daripada kajian-kajian sebelum ini; julung-julung kali sikap pengurus disukat dan imej kurang baik pengusaha terhadap persekitaran operasi setempat dianggarkan. Dengan menggunakan kaedah analisis kandungan Stafford telah berjaya membuktikan bahawa apabila proses pembuatan keputusan berkenaan dengan pertapakan beralih daripada peringkat negara ke peringkat setempat, imej, tanggapan dan kecenderungan peribadi pengusaha akan menjadi semakin penting. Dari sudut pandangan perancang setempat, kriteria utama dalam keputusan pertapakan muktamad ialah pengaruh perhubungan di peringkat peribadi di antara pengusaha dan pegawai kemajuan setempat (Morsihidi 1988, 1991).

Barr dan Waters (1980) pula, dengan menggunakan kaedah analisis gagasan, telah berusaha untuk membuktikan perbezaan dalam persepsi pengusaha-pengusaha di dua buah kawasan metropolis di Kanada (Edmonton & Calgary) terhadap ruang ekonomi wilayah. Ini cuba dikaitkan dengan lokasi firma dalam wilayah. Selain daripada ini mereka juga ingin menentukan perkaitan di an-

tara bentuk aktiviti pembuatan dengan imej-imej terhadap lokasi. Kesimpulan mereka ialah persepsi terhadap persekitaran operasi di peringkat wilayah berbeza tidak kira sama ada pengusaha itu beroperasi di lokasi yang berbeza atau di lokasi yang sama. Mereka, seperti juga dengan Stafford (1974), menekankan peranan ciri-ciri individu dan firma, dan bukan industri dalam mempengaruhi bentuk persepsi terhadap peluang pelaburan di peringkat wilayah.

Kajian McDermott dan Taylor (1976) merupakan satu contoh baik kajian yang bertemakan persepsi pengurus terhadap ruangan ekonomi nasional. Berdasarkan maklumat profil persepsi firma-firma dari pelbagai industri dan bentuk organisasi di New Zealand mereka membuat kesimpulan bahawa perbezaan penting dalam sikap terhadap lokasi berkait rapat dengan sekurang-kurangnya satu daripada parameter di atas. Menurut mereka perbezaan sikap dan imej bergantung kepada sama ada responden beroperasi di pusat utama (Auckland), atau di pusat-pusat sekunder yang lain. Mereka menegaskan bahawa manakala lokasi muncul sebagai pengaruh utama ke atas sikap, organisasi adalah penting dalam menjelaskan sikap terhadap beberapa komponen persekitaran operasi setempat, terutama sekali, kualiti dan kuantiti infrastruktur yang disediakan.

Kajian-kajian yang telah dikupas sebelum ini, walaupun terdapat kelemahan-kelemahan dari segi konseptual dan metodologi, boleh meningkatkan pemahaman tentang peranan faktor persepsi dalam proses pembuatan keputusan berkaitan dengan pertapakan industri. Lebih spesifik lagi, perspektif persepsi/perilaku boleh meningkatkan lagi pemahaman tentang punca-punca ketakseimbangan wilayah, yang mana seterusnya boleh memudahkan tindak usaha untuk mengatasi kendala psikologi kepada pembangunan di wilayah terkebelakang (Morshidi 1988, 1991). Aspek hubungjalın di antara persepsi dan mekanisme di sebalik masalah wilayah, contohnya persoalan yang berkaitan dengan pola tanggapan pengusaha-pengusaha di wilayah-wilayah yang lebih maju terhadap peluang pelaburan di wilayah mundur perlu diteliti. Sehubungan dengan ini, dan dalam kes Malaysia, kajian Morshidi (1988, 1981) merupakan usaha ke arah matlamat ini. Rumusan Gould (1973) mencerminkan sambutan dingin pengkaji-pengkaji terhadap peluang-peluang untuk memantapkan lagi teori pembangunan wilayah dari perspektif perilaku. Menurut beliau, sebilangan ramai pengkaji mengakui peranan penting pengaruh persepsi tetapi, seperti biasa, faktor persepsi dibincangkan secara sepintas lalu sahaja

dalam kebanyakan kajian. Malahan banyak manfaatnya jika imej ruangan konsensual diaplikasikan dalam kajian mengenai industri bebas lokasi dan dalam perancangan pembangunan kawasan-kawasan mundur (Gould 1967). Penemuan bersifat akademik sepatutnya mempunyai implikasi penting kepada ahli-ahli perancang ekonomi wilayah di negara-negara maju dan membangun, dan usaha-usaha mestilah dimulakan untuk merapatkan jurang akademik/perancangan (Morshidi 1988, 1991).

Dalam artikel ini isu-isu yang telah ditimbulkan sebelum ini akan diteliti dalam konteks pembangunan industri di lokasi-lokasi tertentu di negeri Kedah (Rajah 1). Usahawan-usahawan yang beroperasi di negeri Pulau-Pinang dipilih sebagai proxi kepada pelabur-pelabur luar, dan persepsi mereka inilah yang akan diteliti. Negeri Pulau Pinang berperanan sebagai pusat tumpuan yang kedua penting dalam ruangan ekonomi nasional, tetapi Kedah merupakan kawasan pinggir yang kurang daya tarikkannya. Keungkinan juga industrialis di Pulau Pinang tidak beranggapan yang kesemua empat lokasi di negeri Kedah sama potensi atau masalahnya. Dengan ini bolehlah dihipotesiskan bahawa persepsi terhadap lokasi yang paling jauh dari Pulau Pinang – Mergong – adalah yang paling pesimistik, dan adalah penting juga memastikan sejauh mana keadaan ini merupakan salah tanggapan di pihak industrialis di negeri Pulau Pinang. Walaupun demikian, estet-estet perindustrian yang lain perlu juga diteliti. Kemungkinan terdapat satu hubungjalın sebab-musabab di antara persepsi kurang baik terhadap lokasi-lokasi ini dengan kelembapan kemasukan pelaburan baru ke kawasan-kawasan ini.

KAWASAN KAJIAN

PULAU PINANG DAN KEDAH: BEBERAPA ASPEK PENTING PERTUMBUHAN EKONOMI, 1970 – 1990

Maklumat lengkap lagi terperinci tentang struktur guna tenaga untuk sektor-sektor pertanian, pembuatan dan perkhidmatan hanya boleh diperolehi daripada banci penduduk di peringkat nasional. Dengan adanya maklumat daripada Banci Penduduk dan Perumahan tahun 1970 dan 1980, maka bolehlah dibuat analisis terperinci tentang perubahan struktur ekonomi di negeri-negeri Pulau Pinang dan Kedah. Tetapi analisis serupa ini tidak mungkin

bagi tahun-tahun selepas 1980 oleh kerana data tidak lengkap, dan sebilangan besarnya adalah anggaran pihak tertentu semata-mata. Maka huraian tentang perubahan dalam tahun lapan puluhan adalah sekadar menggariskan trend-trend kasar sahaja dengan tujuan untuk menentukan sama ada trend-trend masa lampau diulangi di kedua-dua buah negeri dalam tempoh masa ini.

Data untuk tahun 1970 memperlihatkan tiga pola penting tentang struktur gunatenaga di kedua-dua buah negeri. Pertama, tenaga kerja dalam sektor pertanian adalah lebih dominan di negeri Kedah berbanding dengan negeri Pulau Pinang. Tujuh-puluh lima peratus daripada gunatenaga di negeri Kedah adalah terlibat dalam sektor pertanian, berbanding dengan hanya 25 peratus di Pulau Pinang.

Kedua, di kedua-dua kawasan sebilangan ramai gunatenaga adalah terlibat juga dalam sektor perkhidmatan. Di negeri Kedah, pekerjaan dalam sektor ini mengatasi jumlah pekerjaan dalam sektor pembuatan pada nisbah 3:1 (Jadual 1). Di Pulau Pinang pula, walaupun negeri ini dianggap sebagai pusat perindustrian penting, nisbah di antara dua sektor ini ialah lebih kurang 2:1 sahaja (Jadual 1). Merujuk kepada pekerjaan dalam sektor perkhidmatan di kedua-dua buah negeri satu perlima daripada semua pekerja terlibat dalam perkhidmatan persendirian dan perkhidmatan isi-rumah, sementara sejumlah besar pekerja adalah pekerja sektor awam (terutama sekali perkhidmatan pentadbiran dan perkhidmatan sosial dan masyarakat). Jumlah yang terlibat dalam perkhidmatan perniagaan adalah rendah. Walau bagaimanapun, ciri-ciri terperinci sektor perkhidmatan di negeri Pulau Pinang dan di negeri Kedah jelas perbezaannya. Meskipun penglibatan dalam sektor awam adalah penting di kedua-dua buah negeri, sektor ini mewakili hampir dua-pertiga daripada jumlah pekerja dalam sektor perkhidmatan. Di Pulau Pinang pula bidang pengangkutan dan penyimpanan adalah lebih penting. Selain daripada bidang ini perkhidmatan perniagaan seperti kewangan telah menjadi bertambah penting, meskipun perkadarannya masih rendah.

Ketiga, dalam bidang pembuatan, asas pembuatan di negeri Kedah dalam tahun 1970 adalah terhad (Jadual 2). Perusahaan makanan, barang-barang kayu, barang-barang logam dan tekstil mewakili 86.0 peratus daripada jumlah gunatenaga dalam sektor ini, dan dua daripada industri-industri ini – perusahaan membuat

JADUAL 1. Gunatenaga dalam sektor perkhidmatan di negeri Kedah dan Pulau Pinang, 1970–80

Industri	Kedah				Pulau Pinang			
	Pekerjaan (1970)		Pekerjaan (1980)		Pekerjaan (1970)		Pekerjaan (1980)	
	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%
71 Pengangkutan dan penyimpanan	4616	13.1	8324	12.0	14334	20.3	13600	14.0
72 Perhubungan	632	1.8	332	0.4	1409	2.0	724	0.7
81 Institusi kewangan	743	2.1	1047	1.5	2189	3.1	3160	3.3
82 Insurans	141	0.4	343	0.5	555	0.8	1011	1.0
83 Harta benda dan perkhidmatan kewangan	45	0.1	765	1.1	122	0.2	3495	3.7
91 Pentadbiran awam dan pertahanan	9842	27.9	28897	41.7	15214	21.6	35257	36.4
92 Perkhidmatan kebersihan dan perkhidmatan yang berkaitan	501	1.4	145	0.2	6404	9.1	287	0.3
93 Perkhidmatan sosial dan perkhidmatan masyarakat yang berkaitan	11478	32.6	20688	29.8	13581	19.2	22971	23.2
94 Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan	679	1.9	608	0.9	1925	2.7	1972	2.0
95 Perkhidmatan peribadi dan perkhidmatan isirumah	6581	18.7	8253	11.9	14807	21.0	14339	14.9
Jumlah	35258	100.0	69402	100.0	70540	100.0	96816	100.0

Sumber: Banci Penduduk dan Perumahan, 1970 dan 1980 (data yang tidak diterbitkan).

makanan dan barang-barang kayu – adalah aktiviti pembuatan tradisional yang tidak berkemungkinan boleh merangsangkan kuasa dinamik ke dalam ekonomi wilayah. Industri pembuatan tradisional seperti ini juga terdapat di negeri Pulau Pinang, tetapi kurang hebat pertumpuannya (Jadual 2). Di negeri Pulau Pinang industri jenis ini hanya mewakili 30.0 peratus daripada jumlah keseluruhan gunatenaga berbanding dengan lebih 50.0 peratus di negeri Kedah. Ini menunjukkan bahawa struktur industri negeri Pulau Pinang adalah lebih luas, dan di negeri inilah tertumpunya sebahagian besar industri tekstil yang berorientasikan eksport. Industri ini melibatkan 21.0 peratus daripada keseluruhan pekerja sektor pembuatan, berbanding dengan 14.0 peratus di negeri Kedah.

Jika data untuk tahun-tahun 1970 dan 1980 dibanding terbukti beberapa perkembangan yang telah menguntungkan Kedah. Bagi sektor perkhidmatan di negeri ini, ternyata bahawa sektor ini telah bertambah pada kadar dua kali ganda dalam masa 10 tahun ini, dan ini adalah bersamaan dengan pertambahan sebanyak 35,000 pekerjaan. Di negeri Pulau Pinang pula sektor yang sama telah bertambah pada kadar 1.4 kali. Jika pertambahan dalam sektor ini diteliti dengan lebih terperinci lagi didapati bahawa pekerjaan dalam bidang pengangkutan di negeri Kedah telah bertambah daripada 4,600 kepada 8,300, dan terbukti juga tanda-tanda pengembangan dalam bidang kewangan, insurans dan harta benda. Sungguhpun sebilangan besar pertumbuhan dalam sektor perkhidmatan kesan daripada pengembangan dalam perkhidmatan pentadbiran awam dan perkhidmatan masyarakat, pengembangan ini tentu sekali telah memainkan peranan penting dalam meningkatkan bayaran pindahan antara wilayah dan pertambahan dalam kuasa beli negeri Kedah.

Dalam bidang pembuatan, industri-industri seperti perusahaan makanan, minuman dan tembakau, dan barangan kayu terus berkembang maju, tetapi kepentingan relatif industri-industri ini telah merosot. Dalam tahun 1970, 54.0 peratus tenaga kerja dalam sektor pembuatan di negeri Kedah terlibat dalam kedua-dua aktiviti ini, dan peratus ini telah berkurangan kepada 36.0 peratus dalam tahun 1980. Sebaliknya, guna tenaga dalam aktiviti industri tekstil yang berorientasikan eksport telah bertambah dua kali ganda dan akibatnya ialah 17.0 peratus daripada semua guna tenaga dalam sektor pembuatan terlibat dalam aktiviti ini. Guna tenaga dalam industri berorientasikan eksport yang kedua, kimia, telah bertambah juga iaitu daripada 2.7 kepada 16.3 peratus.

JADUAL 2. Gunat tenaga dalam sektor pembuatan di negeri Kedah dan Pulau Pinang, 1970 -- 80

Industri	Kedah				Pulau Pinang			
	Pekerjaan (1970)		Pekerjaan (1980)		Pekerjaan (1970)		Pekerjaan (1980)	
	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%	Jumlah	%
31 Membuat makanan, minuman dan tembakau	3348	27.2	5746	22.1	5727	17.9	9690	10.9
32 Perusahaan-perusahaan kain, pakaian dan kulit	1765	14.4	4438	17.1	6757	21.1	22372	25.2
32 Membuat kayu dan barang-barang kayu, termasuk perabot	3223	26.3	3753	14.1	3970	12.4	4666	5.3
34 Membuat kertas dan barang-barang kertas, mencetak dan menerbit	243	2.0	394	1.5	2538	7.9	4022	4.5
35 Membuat kimia dan barang-barang kimia, petroleum, arang batu, getah dan plastik	336	2.7	4223	16.3	1759	5.5	6890	7.8
36 Membuat barang-barang galian yang bukan logam	296	2.4	1091	4.2	689	2.1	1743	2.0
37 Perusahaan logam utama	325	2.6	476	1.8	3124	9.8	4349	4.9
38 Membuat barang-barang binaan logam	2278	18.6	3507	13.5	4843	15.1	27839	31.4
39 Lain-lain perusahaan perkilangan	457	3.7	2359	9.1	2578	8.1	4068	8.0
Jumlah	12271	100.0	25987	100.0	31985	100.0	88639	100.0

Sumber: Banci Penduduk dan Perumahan, 1970 dan 1980 (data yang tidak diterbitkan).

Dalam aspek-aspek lain prestasi negeri Pulau Pinang tetap mengagumkan. Sebagai contoh, lebih banyak peluang pekerjaan telah diwujudkan dalam sektor perkhidmatan-perkhidmatan kewangan, insuran dan harta benda. Dari segi peluang pekerjaan dalam sektor pembuatan negeri Pulau Pinang juga telah mencatatkan pertumbuhan pada kadar 2.8 berbanding dengan 2.1 di negeri Kedah. Satu perkara yang jelas berlaku dalam jangkamasa ini ialah pengurangan jumlah pekerjaan dalam sektor tradisional; sehingga tahun 1980 hanya 16.0 peratus daripada semua guna tenaga dalam sektor pembuatan adalah terlibat dengan kegiatan membuat minuman dan tembakau, dan membuat barang-barang kayu. Sementara itu, industri tekstil telah berkembang pesat dan bilangan pekerjaannya telah bertambah sekurang-kurangnya 3 kali ganda, dan industri barang binaan logam telah memperlihatkan pertumbuhan sebanyak 6 kali ganda. Pada tahun 1980, sekurang-kurangnya satu pertiga daripada tenaga kerja dalam sektor pembuatan adalah terlibat dalam industri barang binaan logam. Trend dalam industri barang binaan logam ini sungguh berbeza dengan pengalaman di Kedah. Di negeri ini pertumbuhan jumlah pekerjaan adalah sederhana (daripada 2,300 kepada 3,500) tetapi sumbangan industri ini kepada peluang pekerjaan dalam sektor pembuatan telah berkurangan daripada 18.6 kepada 13.5 peratus.

Akhir sekali, perbezaan yang amat jelas di antara negeri Pulau Pinang dan negeri Kedah terbukti jika tahap pergantungan kepada peluang pekerjaan dalam sektor pertanian sehingga tahun 1980 diteliti. Sumbangan sektor ini kepada jumlah pekerjaan di negeri Pulau Pinang telah menurun kepada 14.0 peratus, tetapi di negeri Kedah sumbangan sektor ini masih tinggi, iaitu 61.0 peratus. Umumnya, manakala kurang tepat bagi kita untuk menyimpulkan bahawa ekonomi negeri Kedah tidak berkembang dalam tahun-tahun 1970-an, bukti-bukti telah memperlihatkan bahawa, hingga tahun 1980, perbezaan pusat-pinggir telah dikekalkan dan, dalam aspek-aspek penting, telah diperhebatkan.

Apakah trend yang dihuraikan setakat ini telah diulangi dalam tahun lapan puluhan? Jadual 3 meringkaskan beberapa aspek penting perubahan di negeri-negeri Kedah dan Pulau Pinang selepas tahun 1980. Di negeri Kedah, sektor pertanian telah mengalami pengurangan yang berterusan sejak tahun 1980. Kadar pertumbuhan KDK sektor ini dianggarkan berkurangan daripada lebih kurang 2.0 peratus dalam jangka masa tahun 1980-85 kepada kurang

JADUAL 3. Kadar pertumbuhan KDK tabunan di negeri-negeri Pulau Pinang dan Kedah, 1980-85 dan 1985-90

Sektor	Kedah		Pulau Pinang	
	1980-85 (%)	1985-90 (%)	1980-85 (%)	1985-90 (%)
Pertanian	2.07	1.41	0.44	0.18
Pembuatan	4.10	5.08	3.56	6.16
Perkhidmatan	7.70	4.50	7.46	4.48

Sumber: Malaysia (1986)

daripada 1.5 peratus pada tahun 1990 (Jadual 4). Sungguhpun demikian sumbangan sektor ini kepada KDK negeri Kedah masih tetap tinggi: 47.6 peratus dalam tahun 1985 dan 43.3 peratus dalam tahun 1990 (Jadual 4). Daripada angka-angka ini bolehlah disimpulkan bahawa sebilangan ramai tenaga kerja masih terlibat dalam sektor ini.

Kadar pertumbuhan sektor pembuatan dalam tempoh masa 1980 - 85 adalah tinggi, dan kadar ini dianggarkan lebih tinggi dalam tempoh masa 1985 - 90 (Jadual 3). Tetapi, kadar yang sebegini tinggi belum lagi boleh menyumbangkan perkadaran yang lebih bermakna kepada KDK negeri Kedah. Sumbangan sektor ini kepada KDK negeri ini tidak banyak berubah dalam tahun-tahun 1980 dan 1985, dan anggaran sumbangan bagi tahun 1990 adalah hanya pada paras 9.0 peratus (Jadual 4).

Dari segi agihan tenaga kerja dalam sektor pembuatan, dan ini

JADUAL 4. Sumbangan (%) tiga sektor utama kepada KDK negeri-negeri Pulau Pinang dan Kedah, 1980-1990

Sektor	Kedah			Pulau Pinang		
	1980	1985	1990	1980	1985	1990
Pertanian	53.0	47.6	43.3	6.5	5.3	4.2
Pembuatan	8.4	8.3	9.0	41.0	38.9	41.0
Perkhidmatan	23.8	28.1	29.6	20.0	22.9	22.3
Jumlah KDK	2299	2827	3336	3413	4283	5479

Sumber: Malaysia (1986), Jadual 5.3 dan 5.7.

merujuk kepada perkembangan di estet-estet perindustrian di negeri Kedah sahaja, daripada sejumlah 25,089 orang pekerja dalam tahun 1988 tidak kurang daripada 50.0 peratus terlibat dengan industri-industri pembuatan tradisional seperti industri pengilangan makanan, industri minuman dan tembakau, tekstil dan barang-barang tekstil, industri kayu, perabot dan industri logam. Agihan seperti ini tidak banyak berbeza dengan agihan tenaga kerja dalam tahun-tahun sebelum ini. Ini menunjukkan bahawa asas industri negeri Kedah masih terhad. Sungguhpun bilangan pekerja dalam sektor pembuatan telah bertambah adalah sukar untuk memastikan dengan tepat tahap transformasi struktur ekonomi di negeri ini.

Dalam kes negeri Pulau Pinang pula, trend tahun tujuh puluhan jelas diulangi dalam tahun lapan puluhan. Transformasi struktur ekonomi yang bermula dalam tahun tujuh puluhan diperhebatkan lagi. Sumbangan sektor pertanian kepada KDK negeri terus berkurangan dan sumbangan sektor pembuatan tidak pernah kurang daripada 38.0 peratus (Jadual 4). Asas industri negeri Pulau Pinang juga berkali ganda lebih pelbagai jika dibandingkan dengan negeri Kedah.

Untuk sektor perkhidmatan pula, Jadual 4 menunjukkan bahawa, hingga tahun 1985, sektor ini berkembang pesat di kedua-dua buah negeri, tetapi selepas itu ada tanda-tanda sektor ini akan merosot. Ini kemungkinan kesan kelembapan pertumbuhan pekerjaan dalam bahagian perkhidmatan awam. Sungguhpun demikian, sumbangan sektor ini kepada KDK kedua-dua buah negeri tetapi tinggi, iaitu tidak kurang daripada 20.0 peratus (Jadual 4). Tetapi satu perkara yang perlu diambil perhatian di sini ialah bilangan yang terlibat dengan sektor ini di negeri Kedah adalah jauh lebih ramai daripada bilangan yang terlibat dengan sektor pembuatan. Sebagai contoh, nisbah bilangan pekerja sektor perkhidmatan dengan sektor pembuatan dalam tahun 1987 ialah 4:1. Di negeri Pulau Pinang pula nisbah untuk perkara yang sama ialah 0.6:1.

Gambaran daripada huraian di atas ialah negeri Kedah masih bergantung kepada sektor pertanian, baik dari segi pekerjaan mahupun dari segi sumbangan kepada KDK. Sungguhpun tindak usaha ke arah transformasi struktur ekonomi telah dimulakan impaknya masih belum lagi ketara.


PUSAT-PUSAT PEMBANGUNAN INDUSTRI DI NEGERI-NEGERI PULAU PINANG DAN KEDAH

Oleh kerana fokus penyiasatan adalah tertumpu kepada firma-firma pembuatan yang beroperasi di semua estet perindustrian dan zon perdagangan bebas di Pulau Pinang, dan empat buah estet perindustrian di Kedah maka perlu juga dijelaskan latar belakang kawasan-kawasan ini. Estet perindustrian yang pertama di negeri Pulau Pinang (di Mak Mandin) telah dibangunkan dalam tahun 1964, dan lapan tahun kemudian zon perdagangan bebas yang pertama telah dimulakan di Bayan Lepas. Sekarang ini terdapat empat zon perdagangan bebas dan empat estet perindustrian di negeri Pulau Pinang, dan jumlah keluasan yang dibangunkan sehingga Januari 1990 ialah 1,022.30 ha. Pusat yang paling luas sekali ialah estet perindustrian Prai, mewakili lebih kurang 48.0 peratus daripada keseluruhan kawasan yang dibangunkan di negeri ini, dan yang terkecil sekali ialah zon perdagangan bebas Prai (4.73 ha.). Saiz firma – diukur dari segi bilangan pekerja – di kawasan-kawasan perindustrian di negeri Pulau Pinang juga berbeza. Misalnya, sehingga hujung tahun 1986, purata bilangan pekerja di zon perdagangan bebas Prai Wharf ialah 2001 manakala untuk estet perindustrian pula purata bilangan pekerja yang paling tinggi ialah 200 orang (Kompleks Seberang Jaya). Kontras di antara zon perdagangan bebas dengan estet perindustrian semakin jelas jika bilangan pekerjaan dibandingkan dengan keluasan kawasan yang dibangunkan. Sehingga hujung tahun 1986, untuk satu hektar kawasan zon perdagangan bebas tidak kurang daripada 180 pekerjaan telah diwujudkan, dan ini merupakan 6 kali lebih tinggi daripada bilangan yang boleh diwujudkan di estet-estet. Pemusatan firma pelbagai bangsa di zon-zon perdagangan bebas telah memainkan peranan penting dalam mewujudkan bilangan pekerjaan yang agak banyak.

Estet pertama di negeri Kedah telah dimulakan di Mergong dalam tahun 1972. Ini diikuti oleh pembangunan di Bakar Arang (1973), Tikam Batu (1973) dan Kulim (1977). Sehingga tahun 1990 terdapat tujuh kawasan perindustrian yang dibangunkan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah, dan Lembaga Pembangunan Wilayah Kedah pula telah memajukan tujuh lagi kawasan perindustrian. Jumlah keluasan kawasan perindustrian yang telah diwujudkan sekarang ini ialah 713 ha. Semasa kajian dijalankan hanya

empat estet perindustrian – Mergong, Tikam Batu, Bakar Arang dan Kulim – sudah dibangun sepenuhnya. Oleh kerana ini huraian seterusnya hanya merujuk kepada estet-estet ini sahaja.

Kesemua empat estet yang telah dipilih sebagai lokasi kajian dihubungi dengan jalinan pengangkutan wilayah secara meluas. Tiga estet perindustrian – Bakar Arang, Kulim dan Tikam Batu – terletak lebih kurang 40 km dari Pulau Pinang, dan Mergong pula adalah kira-kira 90 km jauhnya. Kesemua estet ini berhampiran dengan bandar-bandar besar atau sederhana besar, dan pusat-pusat petempatan ini menjadi sumber penting tenaga kerja (Rajah 1).



RAJAH 1 Lokasi Kajian.

Estet-estet perindustrian ini jauh berbeza dari segi keluasannya dan juga dari aspek ciri-ciri lain. Estet yang terjauh – Mergong – adalah kecil saiznya dan purata bilangan pekerjaan di kawasan ini adalah rendah (32 orang dalam tahun 1986). Sebaliknya, kawasan-kawasan perindustrian Bakar Arang dan Kulim yang tidak begitu jauh dari Pulau Pinang telah berjaya menarik masuk sebilangan besar firma luar, dan daripada sejumlah 16,942 pekerjaan di semua estet dalam tahun 1986 tidak kurang daripada 80.0 peratus telah diwujudkan oleh firma-firma di dua buah kawasan ini. Pada masa kajian yang dilaporkan di sini dijalankan estet perindustrian di Kulim adalah yang paling berjaya. Secara purata, untuk satu hektar tanah yang dimajukan di kawasan ini 89 pekerjaan telah diwujudkan, dan ini adalah 2 kali ganda lebih tinggi daripada kawasan-kawasan lain di negeri Kedah.

OBJEKTIF KAJIAN

Hipotesis yang telah diajukan sebelum ini hanya boleh diuji sepenuhnya melalui kajian soal selidik di peringkat firma. Maka, objektif utama kajian ke atas firma-firma di kawasan-kawasan perindustrian di negeri-negeri Pulau Pinang dan Kedah adalah untuk menguji hipotesis yang telah diajukan.

Kajian Industri di Pulau Pinang bertujuan untuk menerokai satu persoalan pokok: apakah corak persepsi pekilang-pekilang yang beroperasi di Pulau Pinang, atau dengan tepat di kawasan-kawasan perindustrian, terhadap empat pusat pembangunan industri di negeri Kedah? Penyiasatan di kawasan perindustrian di negeri Kedah pula bertujuan untuk menentukan, berdasarkan pengalaman pekilang-pekilang di lokasi-lokasi ini, penilaian mereka terhadap tempat operasi mereka. Pendekatan ini telah membolehkan kita untuk membandingkan persepsi kedua-dua kelompok industrialis ini terhadap suasana operasi di lokasi-lokasi berkenaan. Dengan ini juga kita boleh menentukan sama ada terdapat perbezaan persepsi (berkaitan dengan kebaikan dan keburukan) yang bererti di antara industrialis di kawasan pusat dengan mereka yang beroperasi di empat lokasi di kawasan pinggir.

PENGUMPULAN DATA

Dua aspek penting penyiasatan di kawasan kajian di negeri Pulau Pinang ialah, pertama, industrialis diminta menilai empat pusat pembangunan di negeri Kedah secara berasingan. Dengan cara ini ujian bolehlah dijalankan ke atas dapatan untuk menentukan sama ada sikap terhadap lokasi-lokasi perindustrian di negeri Kedah serupa atau berbeza. Kerap kali kawasan pinggir diandaikan sebagai tidak begitu berbeza, walhal ini tidak betul.

Aspek kedua, responden diminta menilai 13 kriteria pertapakan (Jadual 5) dengan menggunakan satu skil pembedaan semantik yang berjulat daripada 'sungguh tidak memuaskan' kepada 'sungguh memuaskan'. Satu keperluan kaedah skil semantik ini ialah soalan-soalan yang diajukan kepada responden mestilah bersifat 'tertutup' dan jawapan-jawapan perlu disenaraikan. Cara ini memudahkan tugas-tugas untuk membanding maklumat yang diperolehi kes demi kes. Pendekatan ini juga kurang membebaskan responden. Sungguhpun demikian soalan 'tertutup' digunakan juga dan ini bertujuan untuk memberi peluang kepada responden untuk memberi komen secara terbuka. Maklumat yang diperolehi melalui cara ini bolehlah digunakan sebagai penjelasan di sebalik respon responden.

Tentang 13 kriteria pertapakan pula, Watt (1987: 170) telah menyenaraikan beberapa kriteria yang lazim digunakan dalam kajian yang berkaitan dengan pertapakan industri. Tetapi dalam konteks kajian ini sebilangan besar kriteria yang disenaraikan oleh Watt kurang relevan. Atas sebab-sebab tertentu, penekanan kajian ini ialah ke atas 13 kriteria pertapakan sahaja. Pada masa zaman penjajahan Inggeris dan di tahun-tahun awal kemerdekaan kadar pembangunan yang rendah di wilayah pinggir seperti Kedah adalah berpunca daripada dua faktor yang berhubung jalin: keadaannya yang terpencil dan kecuaihan pihak kerajaan untuk membangunkan kawasan ini. Walau bagaimanapun, pelaburan dalam infrastruktur sejak tahun 1970 telah berjaya mengurangkan pengabaian ini. Maka, adalah penting untuk meneliti semula sikap industrialis terhadap jarak dan kesampaian wilayah pinggir seperti negeri Kedah. Untuk tujuan ini 6 kriteria kesampaian/pengangkutan – kriteria 1 hingga 6 dalam Jadual 5 – telah dipilih. Untuk dua daripada kriteria-kriteria ini – kecukupan jaringan perhubungan darat dan kecukupan bilangan firma-firma angkut – responden dikehendaki

menjawab dengan memberi perhatian kepada kesan fizikal pelaburan infrastruktur dan pembangunan sektor pengangkutan wilayah. Untuk empat kriteria lagi mereka dikehendaki menilai kesan membaikkan sektor ini ke atas berbagai keperluan kesampaian firma-firma.

Daripada baki 9 kriteria, 2 merujuk kepada keadaan penawaran tenaga kerja. Adalah diakui bahawa pergerakan harian buruh dari kawasan pinggir ke kawasan pusat telah mengakibatkan kekurangan tenaga kerja di kawasan-kawasan tertentu (SERU 1982). Maka, adalah wajar aspek-aspek ini ditekankan. Angkubah-angkubah kos perburuhan tidak diambil kira dalam penyiasatan ini oleh kerana sudah terbukti bahawa perbezaan kadar upah mengikut kawasan adalah tidak begitu ketara (SERU 1982; Wong & Chee 1984). Kualiti buruh dan kestabilan tenaga kerja juga tidak disiasat oleh kerana kajian-kajian yang ada telah membuktikan bahawa tenaga kerja adalah tekun, mudah untuk dilatih, berproduktiviti tinggi dan mempunyai kadar turn-over yang rendah (Malaysia 1986; Zehender et al. 1978).

Berkemungkinan sukar juga bagi firma-firma pembuatan untuk beroperasi dalam keadaan di mana hanya terdapat sebilangan kecil aktiviti sokongan sama ada di dalam estet perindustrian yang sama atau di bandar-bandar berhampiran. Kriteria 9 dalam Jadual 5 bertujuan untuk menganggarkan persepsi terhadap keadaan rantaian perkhidmatan dan pembuatan, sementara respons kepada kriteria 10 hingga 13 akan mencerminkan persepsi mereka ke atas pelaburan dalam sektor infrastruktur dan langkah-langkah lain untuk mempertingkatkan daya tarikan negeri Kedah sebagai pusat pelaburan dalam sektor perindustrian. Peruntukan sumber kewangan yang agak tinggi di kawasan perindustrian bertujuan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan yang berkualiti tinggi.

Banyak lagi kriteria lain yang boleh diambil kira untuk dimasukkan ke dalam senarai kriteria di Jadual 5, tetapi respons daripada kajian percubaan menunjukkan bahawa faktor-faktor seperti keaktifan kesatuan sekerja, kawalan perancangan dan persekitaran – sungguhpun penting dalam konteks negara-negara maju – dianggap sebagai kurang berpengaruh. Memang tidak dapat dinafikan bahawa sekatan dan kawalan yang ada tidak dapat dikuatkuasakan oleh pihak yang bertanggungjawab dengan tegas oleh kerana ketutamaan ialah untuk merangsangkan pertumbuhan ekonomi di kawasan pinggir. Maka faktor-faktor ini tidak begitu mempengaruhi

JADUAL 5. Kriteria-kriteria pertapakan yang dinilai di negeri Pulau Pinang dan Kedah

-
- (1) Kesampaian kepada pasaran
 - (2) Kesampaian kepada sumber-sumber input pembuatan
 - (3) Kesampaian kepada perkhidmatan lapangan terbang di Pulau Pinang
 - (4) Kesampaian kepada perkhidmatan pelabuhan di Pulau Pinang
 - (5) Kecukupan jaringan pengangkutan jalan
 - (6) Kecukupan firma-firma atau kontraktor-kontraktor angkut
 - (7) Tenaga kerja wanita tidak berkemahiran yang tersedia
 - (8) Tenaga kerja separuh mahir dan mahir yang tersedia
 - (9) Peluang untuk mewujudkan rantaian perkhidmatan dan industri
 - (10) Kualiti persekitaran estet-estet perindustrian
 - (11) Kecukupan dan kesesuaian kemudahan-kemudahan awam (bekalan air, elektrik dan sebagainya)
 - (12) Kos tapak perindustrian
 - (13) Kawasan untuk pengembangan yang tersedia
-

Sumber: Morshidi (1991)

proses pembuatan keputusan berkaitan dengan pertapakan. Berdasarkan maklumat-maklumat awal seperti ini adalah diputuskan untuk tidak memasukan kriteria-kriteria ini.

Penyiasatan di empat pusat pembangunan industri di negeri Kedah menggunakan kaedah yang serupa: kaedah soalan 'tertutup' dan 'terbuka' digunakan juga dan 13 kriteria pertapakan yang sama perlu dibina oleh responden.

LIPUTAN KAJIAN, IMPLEMENTASI DAN PERSAMPELAN

Responden sasaran kajian ini adalah pegawai eksekutif tertinggi firma-firma yang telah disampel. Tujuan di sini ialah untuk mendapatkan maklumat terperinci daripada individu-individu yang mempunyai kefahaman mendalam tentang faktor-faktor disebalik proses pembuatan keputusan firma-firma berkenaan. Seramai 80 peratus daripada responden untuk kajian di negeri Pulau Pinang adalah terdiri daripada pengarah urusan atau pengurus, sementara di Kedah pula dua kategori ini mewakili 88 peratus responden. Dalam kes-kes lain responden ialah eksekutif-eksekutif kanan yang lain.

Enam puluh empat buah firma pembuatan di lokasi-lokasi kajian di negeri Kedah telah berjaya disoalselidik, dan hanya 6 buah sahaja yang tidak diliputi dalam kajian ini (Jadual 6). Keadaan ini tidak menimbulkan bias yang bererti ke dalam kajian ini oleh kerana banyak firma yang terlibat dalam jenis aktiviti yang telah di soalselidik. Berdasarkan kepada alasan ini, dan memandangkan kadar respon yang tinggi, penyiasatan di lokasi-lokasi kajian di negeri Kedah tidak dianggap sebagai kajian berdasarkan sampel yang mana lazimnya memerlukan ujian keertian ke atas dapatan.

Memandangkan skel pembangunan industri yang begitu hebat di kawasan kajian di negeri Pulau Pinang adalah tidak praktikal untuk menyoalselidik semua firma yang beroperasi di kawasan perindustrian di negeri ini. Senarai terkini firma-firma pembuatan yang beroperasi di kawasan kajian telah diubahsuai, dan ini bertujuan untuk mengeneipikan, pertama, firma-firma yang sememangnya tidak boleh beroperasi di lokasi-lokasi pinggir yang jauh

JADUAL 6. Kedah: Taburan firma pembuatan mengikut jenis produk

Jenis produk	Jumlah	(%)	Tidak disoalselidik
Barang-barang elektronik dan elektrik	8	(12.5)	1
Tekstil dan pakaian	4	(6.3)	1
Makanan yang diproses dan ditinkan	6	(9.4)	
Barang-barang berasaskan getah	10	(15.6)	
Barang-barang kayu dan berasaskan kayu	6	(9.4)	1
Barang-barang logam	4	(6.3)	
Barang-barang plastik	6	(9.4)	1
Barang-barang kimia	5	(7.8)	1
Barang-barang kertas	2	(3.1)	
Jentera/bahagian-bahagian motor dan basikal	7	(10.9)	1
Lain-lain	6	(9.4)	
Jumlah	64	(100.0)	6

Sumber: Morshidi (1991)

dari pelabuhan, contohnya 4 buah loji/depo gas cecair dan oksigen telah diketepikan; kedua, firma-firma bukan pembuatan seperti gudang dan tempat menyimpan barang yang tidak layak untuk menerima bantuan kerajaan; dan, ketiga, aktiviti pembuatan yang tiada potensi untuk berkembang. Maklumat tentang jenis industri dan trend guna tenaga sejak 1985 digunakan untuk mengeluarkan industri-industri ini daripada senarai. Pertumbuhan industri-industri ini adalah lembap sekali, dan, jika kelompok ini beroperasi di kawasan pinggir, tidak mungkin mereka boleh merangsangkan ekonomi kawasan pinggir secara berterusan. Apabila ini selesai dijalankan, satu pemeriksaan di kawasan kajian dilakukan untuk memastikan firma-firma dalam senarai masih beroperasi. Senarai yang telah diubahsuai ini kemudian dijadikan kerangka sampel.

Sampel perkadaran berdasarkan kelompok – di mana satu perkadaran firma-firma sampel dalam tiap-tiap kelompok adalah lebih

JADUAL 7. Pulau Pinang: Taburan firma pembuatan jenis produk

Jenis produk	Jumlah	(%)	Sample	(%)
Barang-barang elektronik dan elektrik	47	(17.0)	21	(17.5)
Tekstil dan pakaian	19	(7.0)	9	(7.5)
Makanan yang diproses dan ditinkan	33	(12.0)	17	(14.2)
Hasil pertanian yang diproses	7	(3.0)	4	(3.3)
Barang-barang berasaskan getah	16	(5.8)	6	(5.0)
Barang-barang kayu dan berasaskan kayu	10	(4.0)	5	(4.2)
Barang-barang logam	33	(12.0)	15	(12.5)
Barang-barang plastik	20	(7.2)	10	(8.3)
Barang-barang kimia	20	(7.2)	10	(8.3)
Barang-barang kertas	14	(5.0)	7	(5.8)
Jentera, bahagian-bahagian motor dan basikal	11	(3.9)	3	(2.5)
Makanan haiwan	5	(1.8)	1	(0.8)
Lain-lain	42	(15.0)	12	(10.1)
Jumlah	277	(100.0)	120	(100.0)

Sumber: Morshidi (1991)

kurang sama dengan perkadarannya dalam jumlah bilangan firma di kawasan kajian – digunakan untuk memastikan sampel menyempurna, setakat mana yang boleh, taburan sebenar firma-firma antara kategori industri. Sampel ini dipetik berdasarkan jadual rambang. Jadual 7 menunjukkan taburan ini dan sampel yang telah dipilih.

PROFIL FIRMA-FIRMA YANG DISELIDIK

Jadual 8 memperlihatkan profil penting firma-firma yang telah dikaji. Merujuk kepada kawasan-kawasan perindustrian di negeri Pulau Pinang, 50.0 peratus daripada firma-firma adalah milik Malaysia sepenuhnya dan 18.0 peratus lagi adalah milik Malaysia dengan penyertaan ekuiti asing. Hanya 39.0 peratus daripada firma-firma sampel adalah sama ada cawangan syarikat yang beroperasi di luar Pulau Pinang atau subsidiari syarikat yang beroperasi di negeri ini. Seperti yang dijangkakan, firma-firma yang lebih besar adalah industri pemasangan milik gergasi separa-konduktor daripada luar negara. Dua pertiga daripada firma-firma sampel terdiri daripada perusahaan kecil dan sederhana kecil (melibatkan kurang daripada 150 orang pekerja), dan guna tenaga purata ialah 31 orang. Lima puluh peratus daripada firma-firma ini telah ditubuhkan dalam tahun-tahun 1970-an dan 33.0 peratus lagi dalam awal tahun-tahun lapan puluhan. Di samping ini, bilangan firma yang pernah beroperasi di tempat lain sebelum ini adalah kurang sekali.

Di pusat-pusat perindustrian di negeri Kedah pula 61.0 peratus daripada firma-firma adalah sama ada milik Malaysia sepenuhnya atau milik Malaysia dengan penyertaan ekuiti asing. Lebih kurang 45.0 peratus adalah cawangan atau subsidiari perbadanan yang besar, terutamanya perbadanan pelbagai bangsa. Walaupun terdapat perbezaan dalam organisasi struktur saiz firma-firma perbezaan dengan firma-firma di Pulau Pinang tidak begitu ketara. Purata jumlah pekerjaan di kalangan firma-firma daripada pelbagai saiz (263) tidaklah begitu berbeza dengan purata di Pulau Pinang (248). Dari segi umur pula, firma-firma di kawasan kajian di negeri Kedah adalah lebih muda berbanding dengan firma-firma di Pulau Pinang, ini adalah cerminan 'dasar perindustrian' negeri yang baru sahaja dilaksanakan. Sebilangan besar daripada firma-firma merupakan firma yang baru sahaja ditubuhkan dan bukannya

JADUAL 8. Perbandingan antara firma di Pulau Pinang dengan firma di Kedah

	Peratusan firma	Firma-firma di Pulau Pinang		Firma-firma di negeri Kedah (%)
		Had keyakinan ⁽¹⁾ 90 peratus	Minimum (%)	Maksimum (%)
Pekerjaan				
Kurang daripada 50 pekerja	37.0	28.0	46.0	42.2
51-150 pekerja	31.5	23.0	40.0	20.3
Lebih daripada 151 pekerja	31.5	23.0	40.0	37.5
Struktur milikan				
Milikan asing dan majoriti milikan asing	32.0	40.5	58.9	36.0
Milikan Malaysia dan majoriti milikan Malaysia	67.5	58.9	75.9	61.0
Lain-lain	0.5	1.7	4.1	3.0
Struktur operasi				
Syarikat induk	60.8	51.8	69.8	54.7
Cawangan	21.7	14.2	29.2	32.8
Subsidiari dan entiti korporat yang berasingan	17.5	10.6	24.4	12.5
Penubuhan firma				
Sebelum 1970	14.2	7.8	20.6	-
1971-1980	53.3	44.2	62.4	37.5
1981-1986	32.5	23.9	41.1	62.5
Jumlah firma	120			64

Nota: ⁽¹⁾Ralat piawai = $\frac{P\% \times Q\%}{N}$

N

di mana, P% dan Q% ialah perkadaran P dan Q dalam bentuk peratusan, dan N ialah jumlah sampel

Had keyakinan ialah nilai sampel +/- ralat piawai

Sumber: Morshidi (1991)

firma yang telah berpindah daripada lokasi lain. Ini menunjukkan bahawa pertapakan semula firma-firma ke kawasan ini sebagai respons kepada galakan perindustrian yang lebih menarik adalah jarang sekali.

PERSEPSI INDUSTRIALIS DI PULAU PINANG TERHADAP PUSAT-PUSAT PERINDUSTRIAN DI KAWASAN PINGGIR

Sikap industrialis di kawasan pusat terhadap lokasi-lokasi perindustrian di kawasan pinggir diringkaskan dalam Jadual 9. Tiga aspek dapatan ini perlu diteliti secara terperinci. Pertama, bagi beberapa kriteria, semua kawasan perindustrian dianggap sebagai memuaskan. Ini adalah benar bagi kriteria seperti tersedianya tanah untuk memperluaskan aktiviti, kos tapak perindustrian dan buruh wanita yang tersedia. Meskipun tahap kepuasan terhadap lokasi-lokasi ini adalah tinggi dan tidak terdapat sebarang perbezaan yang menonjol, kecenderungan bagi persepsi untuk berbeza selaras dengan jarak jelas terbukti. Maka, estet di Kulim, estet yang terdekat sekali kepada kawasan pusat, memperlihatkan skor purata 6.9 sahaja untuk ketiga-tiga kriteria, berbanding dengan skor 13.9 untuk estet di Mergong (iaitu estet yang paling jauh). Skor yang agak tinggi juga untuk Mergong mencerminkan kerisauan terhadap ruang untuk berkembang dan, lebih kelas lagi, penawaran buruh wanita.

Perkara kedua, meskipun estet-estet di kawasan pinggir dianggap sebagai memuaskan di atas tiga kriteria di atas, dalam kes-kes lain responden sungguh tidak berpuas hati. Misalnya, daripada 40 nilai bagi 10 kriteria lagi, separuh adalah di antara 25 dan 50 peratus, satu perlima adalah di antara 50 dan 75 peratus dan satu per sepuluh melebihi 75 peratus.

Perkara ketiga, bagi sepuluh kriteria ini satu perkaitan positif yang erat di antara persepsi yang kurang baik dengan jarak boleh dikenalpasti. Skor purata untuk Mergong di atas sepuluh kriteria, selain daripada ruang untuk berkembang, kos tapak dan penawaran tenaga kerja wanita, adalah tidak kurang daripada 64.8. Malahan untuk semua kriteria estet ini mendapat nilai kurang memuaskan yang agak banyak. Skor purata persepsi kurang baik untuk estet di Kulim adalah hanya 26.8, dan dalam semua kes skornya adalah lebih rendah daripada skor-skor untuk Tikam Batu dan

JADUAL 9. Persepsi industrialis di Pulau Pinang terhadap pusat pembangunan industri di kawasan pinggir

	Nilai Chi- squared (DK = 3)	Sumbangan kepada jumlah Chi-squared			
		Kulim	T. Batu	B. Arang	Mergong
<i>Dapatan Konklusif ⁽¹⁾</i>					
Kesampaian kepada perkhidmatan lapangan terbang di Pulau Pinang	111.1	38.4	3.8	0.0	68.9
Kesampaian kepada perkhidmatan pelabuhan di Pulau Pinang	107.8	39.3	4.2	0.1	64.2
Peluang untuk mewujudkan rantaian perkhidmatan dan industri	46.9	22.5	0.1	0.1	24.2
Kesampaian kepada sumber-sumber input pembuatan	40.5	11.6	2.3	0.1	26.5
Kesampaian kepada pasaran	38.9	10.8	1.7	0.3	26.1
Tenaga kerja mahir dan separuh mahir	37.9	22.6	0.2	0.3	14.8
Kecukupan jaringan pengangkutan	35.3	8.3	1.8	0.5	4.7
Kecukupan firma-firma atau kontraktor-kontraktor angkut	14.2	7.2	0.1	0.1	6.8
Kecukupan dan kesesuaian kemudahan-kemudahan awam	12.9	2.6	1.0	0.3	9.0

Kualiti persekitaran estet-estet perindustrian	11.1	4.7	0.1	0.1	6.2
<i>Dapatan tidak konklusif</i>					
Tenaga kerja wanita tersedia ⁽²⁾	4.9	1.0	0.0	1.0	2.9
Kawasan untuk pengembangan yang tersedia ⁽³⁾	4.3	2.3	0.0	0.0	2.0
Kos tapak perindustrian ⁽³⁾	0.6	0.4	0.0	0.0	2.0

Nota:

⁽¹⁾ Semua dapatan adalah pada paras keertian melebihi 1.0 peratus kecuali kualiti persekitaran di mana paras keertiannya secara marginal di bawah paras ini.

⁽²⁾ Satu ujian tambahan telah dijalankan untuk mengetahui sama ada dapatan untuk kombinasi Kulim, Tikam Batu dan Bakar Arang berbeza berbanding dengan Mergong. Nilai Chi-squared 6.9 yang telah diperolehi adalah bererti pada paras keertian 1.0 peratus ($DK = 1$).

⁽³⁾ Dapatan Chi-squared bagi kombinasi Kulim, Tikam Batu dan Bakar Arang lawan Mergong di atas faktor-faktor ini didapati tidak beerti.

Bakar Arang. Beginilah keadaannya meskipun jarak Tikam Batu dan Bakar Arang tidak berapa jauh daripada Pulau Pinang.

Kesimpulan bahawa persepsi industrialis di kawasan pusat adalah berbeza selaras dengan jarak boleh diperkuatkan lagi dengan menguji data dengan ujian statistik. Untuk tiap-tiap kriteria hipotesis nulnya ialah bilangan respon kategori 'tidak baik' tidak berbeza sangat dari satu lokasi kepada yang lain. Ini seterusnya diuji dengan kaedah Chi-squared. Dapatan untuk semua nilai diringkaskan dalam Jadual 10, dan untuk sepuluh kriteria hipotesis ini telah ditolak. Kriteria-kriteria ini adalah sama dengan kriteria-kriteria dalam Jadual 9, yang sebelum ini digunakan untuk menunjukkan perkaitan persepsi-jarak. Daripada Jadual 10 juga jelas terbukti bahawa dua estet yang secara konsisten memberi sumbangan yang agak tinggi kepada dapatan Chi-squared – sehingga hipotesis bahawa persepsi tidak berkait dengan jarak ditolak – ialah Merpong dan Kulim. Maklumat terkandung dalam Jadual 10 memperkuatkan lagi kesimpulan bahawa persepsi yang tidak baik meningkat selaras dengan pertambahan jarak daripada kawasan pusat. Jadual ini meringkaskan ujian Chi-squared, yang bertujuan untuk memperlihatkan perbezaan yang bererti dalam respon kategori 'tidak baik' terhadap estet-estet yang bersempadan dengan Pulau Pinang. Dalam jadual ini dua estet – Tikam Batu dan Bakar Arang – yang jarak di antara satu dengan yang lain kurang daripada 10 km sahaja telah gabungkan. Sungguhpun bilangan ujian yang tidak konklusif adalah tinggi daripada dapatan dalam Jadual 10, lima dapatan yang bererti dalam Jadual 9 menunjukkan bahawa pandangan negatif terhadap Kulim kerap kali lebih rendah daripada apa yang dijangkakan. Dengan ini, gambarannya ialah responden di kawasan pusat berpendapat bahawa estet di Kulim itu paling memuaskan jika dibandingkan dengan dua estet lain yang paling dekat dengan Pulau Pinang. Meskipun Tikam Batu dan Bakar Arang hanya lebih kurang 40 km dari Pulau Pinang – dan begitu juga dengan Kulim – kedua-dua estet ini dianggap sungguh tidak memuaskan dari segi kesampaian kepada input pembuatan, kepada lapangan terbang dan pelabuhan, dan kualiti perkhidmatan angkut.

Persepsi industrialis daripada kawasan pusat perlu diteliti dengan lebih terperinci lagi untuk menentukan perbezaan di antara persepsi mereka dengan penilaian usahawan daripada kawasan pinggir. Untuk tujuan ini, mula-mula perbandingan secara grafik respon industrialis terhadap 13 kriteria (kategori 'tidak memuaskan


JADUAL 10. Ujian Chi-squared ke atas persepsi industrialis di Pulau Pinang terhadap lokasi-lokasi di kawasan pinggir: Kulim lawan kombinasi Tikam Batu dan Bakar Arang

	Chi-squared (DK = 1) Kulim lawan kombinasi Tikam Batu dan Bakar Arang	Sisihan daripada jangkaan	
		Tikam Batu dan Bakar Arang	Kulim
<i>Dapatan Konklusif</i> ⁽²⁾			
Kesampaian kepada perkhidmatan pelabuhan di Pulau Pinang	18.93	+	-
Tenaga kerja mahir dan separuh mahir	17.83	+	-
Kesampaian kepada perkhidmatan lapangan terbang di Pulau Pinang	16.91	+	-
Peluang untuk mewujudkan rantai perkhidmatan dan industri	13.09	+	-
Kecukupan firma-firma atau kontraktor-kontraktor angkut	4.75	+	-
<i>Dapatan tidak konklusif</i>			
Kesampaian kepada sumber-sumber input pembuatan	3.62	+	-
Kesampaian kepada pasaran	3.42	+	-
Kecukupan jaringan pengangkutan	2.44	+	-
Kualiti persekitaran estet-estet perindustrian	1.84	+	-
Kawasan untuk pengembangan yang tersedia	0.32	-	+
Kecukupan dan kesesuaian kemudahan-kemudahan awam	0.16	+	-
Kos tapak perindustrian	0.13	+	-
Tenaga kerja wanita yang tersedia	0.10	+	-

Nota:

⁽¹⁾ Respon tidak memuaskan yang diperolehi daripada soal selidik ditolak dengan respon tidak memuaskan yang dijangkakan.

⁽²⁾ Semua dapatan adalah pada paras keertian melebihi 0.1 peratus, kecuali dalam kes kriteria kecukupan firma atau kontraktor angkut. Dalam kes ini paras keertian ialah 5.0 peratus. Dua dapatan tidak konklusif utama adalah hanya secara marignal di bawah paras keertian 5.0 peratus.



RAJAH 2. Persepsi Industrialis di Pulau Pinang dan Kedah Terhadap Kawasan Perindustrian Kulim – Satu Perbandingan

kan' sahaja) dijalankan (Rajah 2 – 5). Oleh kerana data kajian di Pulau Pinang diperolehi daripada sampel maka sekali lagi ujian Chi-squared telah dijalankan (Morshidi 1988, 1991). Dengan ujian ini bolehlah ditentukan tahap keertian sisihan daripada garisan penilaian serupa dalam Gambarajah 2 – 5. Ujian Chi-squared ini telah dijalankan ke atas taburan respon di antara 'sungguh memuaskan', 'memuaskan', 'tidak memuaskan' dan 'sungguh tidak memuaskan', dan dapat disenaraikan dalam Jadual 11 – 14.

ESTET PERINDUSTRIAN KULIM

Ujian Chi-squared dan analisis secara graf atas respons kedua-dua kelompok responden terhadap estet di Kulim menunjukkan bahawa perbezaan adalah pada tahap yang agak rendah. Ini adalah benar bagi tiga kriteria: penawaran tenaga buruh wanita, kualiti persekitaran dan kos tapak (Rajah 2 dan Jadual 11). Untuk semua kes terdapat persefahaman bahawa tidak terdapat masalah sangat dari aspek-aspek di atas, tahap ketidakpuasan yang paling tinggi adalah berkaitan dengan persekitaran (20 peratus).

JADUAL 11. Perbezaan dalam persepsi industrialis di kawasan pusat dan di kawasan pinggir bagi estet perindustrian Kulim

	Chi-squared	DK
<i>Dapatan konklusif</i> ⁽¹⁾		
Kecukupan dan kesesuaian kemudahan-kemudahan awam	115.65	2
Kesampaian kepada perkhidmatan pelabuhan di Pulau Pinang	107.82	2
Peluang untuk mewujudkan rantaian perkhidmatan dan industri	57.30	1
Kecukupan jaringan pengangkutan	53.87	1
Kesampaian kepada pasaran	48.16	3
Kesampaian kepada perkhidmatan lapangan terbang di Pulau Pinang	23.64	2
Kesampaian kepada sumber-sumber input pembuatan	23.51	1
Tenaga kerja mahir dan separuh mahir	20.48	2
Kecukupan firma-firma atau kontraktor-kontraktor angkut	19.39	1
<i>Dapatan tidak konklusif</i>		
Tenaga kerja wanita yang tersedia	2.80	1
Kualiti persekitaran estet-estet perindustrian	1.89	2
Kos tapak perindustrian	0.17	2
Kawasan untuk pengembangan yang tersedia ⁽²⁾		

Nota:

⁽¹⁾ Semua dapatan pada paras keertian melebihi 0.1 peratus. Dalam kes di mana Darjah Kebebasan (DK) < 3 kategori penilaian telah dicantumkan untuk meningkatkan nilai jangkaan supaya melebihi 5. (Pencantuman kategori ini juga dilakukan untuk Jadual 11 hingga 13.

⁽²⁾ Ujian Chi-squared tidak dijalankan oleh kerana kesukaran untuk memperolehi nilai jangkaan melebihi 5.

Daripada gambarajah terbukti bahawa respon industrialis daripada kawasan pusat terhadap masalah beroperasi di Kulim adalah terlalu tinggi bagi enam kriteria. Kriteria-kriteria ini adalah penawaran buruh mahir, ruangan untuk berkembang, kesampaian kepada pasaran, kepada lapangan terbang, kepada pelabuhan dan kepada pembekal input pembuatan. Penilaian yang keterlaluan ini

paling ketara bagi kesampaian kepada lapangan terbang. Masalah kesampaian kepada kemudahan ini dianggap oleh industrialis di Kulim sebagai tidak begitu membebankan. Semua kriteria di atas, kecuali kesampaian kepada pembekal input pembuatan, dianggap sebagai tidak menimbulkan masalah sangat. Dalam kes kesampaian kepada pembekal input, lebih daripada 40 peratus daripada responden di negeri Pulau Pinang menganggap Kulim tidak memuaskan.

Akhir sekali, ternyata bahawa penilaian industrialis di kawasan pusat terhadap masalah di Kulim berkaitan dengan jaringan pengangkutan, perkhidmatan angkut, kemudahan awam dan rantaian industri dan perkhidmatan adalah rendah daripada apa yang sepatutnya. Dalam semua kes ini salah taksiran adalah agak hebat juga. Misalnya, kemudahan awam dianggap paling bermasalah oleh kurang daripada 25 peratus responden di Pulau Pinang walhal di Kulim 65 peratus menghadapi masalah kemudahan awam.

Maka, secara ringkas, persepsi responden di kawasan pusat tepat untuk tiga kriteria sahaja. Enam kriteria lagi – kecuali penawaran buruh mahir dan ruang untuk berkembang – adalah berkaitan dengan isu-isu kesampaian, dan masalah di estet Kulim diperbesar-besarkan. Tetapi dalam kes empat kriteria, sebilangan besar berkaitan dengan persekitaran operasi di Kulim, responden di Pulau Pinang terlalu optimis tentang suasana operasi in pusat perindustrian yang berhampiran dengan negeri ini.

ESTET PERINDUSTRIAN TIKAM BATU

Jadual 12 dan Rajah 3 memperlihatkan pola persepsi untuk estet Tikam Batu, dan daripada ini tiga perkara boleh dirumuskan. Pertama, tidak terdapat percanggahan ketara di antara persepsi responden-responden terhadap ruang untuk berkembang dan keadaan jaringan pengangkutan di estet ini. Perkara yang kedua ialah responden di negeri Pulau Pinang tidak memperkecilkan masalah operasi di kawasan ini, kecuali berhubung dengan bekalan kemudahan awam dan keadaan alam persekitaran. Sebaliknya, dan ini merupakan perkara ketiga, kecenderungan ialah bagi responden di negeri Pulau Pinang untuk memperbesar-besarkan masalah yang akan dihadapi jika operasi dimulakan di estet ini. Kecenderungan sebegini rupa sedikit sebanyak mencerminkan kerisauan tentang faktor-faktor pengeluaran seperti buruh wanita yang tersedia

JADUAL 12. Perbezaan dalam persepsi industrialis di kawasan pusat dan di kawasan pinggir bagi estet perindustrian Tikam Batu


	Chi-squared	DK
<i>Dapatan konklusif</i> ⁽¹⁾		
Kesampaian kepada sumber-sumber input pembuatan	110.58	1
Tenaga kerja wanita yang tersedia	70.53	1
Kesampaian kepada pasaran	65.08	1
Kesampaian kepada perkhidmatan pelabuhan di Pulau Pinang	65.07	1
Kecukupan dan kesesuaian kemudahan-kemudahan awam	40.83	1
Peluang untuk mewujudkan rantaian perkhidmatan dan industri	33.85	1
Kecukupan firma-firma atau kontraktor-kontraktor angkut	31.58	1
Kualiti persekitaran estet-estet perindustrian	22.53	1
Kesampaian kepada perkhidmatan lapangan terbang di Pulau Pinang	8.48	1
<i>Dapatan tidak konklusif</i>		
Kawasan untuk pengembangan yang tersedia	2.96	1
Kecukupan jaringan pengangkutan	0.05	1
Kos tapak perindustrian ⁽²⁾		
Tenaga kerja mahir dan separuh mahir ⁽²⁾		

Nota:

(1) Semua dapatan pada paras keertian melebihi 0.1 peratus.

(2) Ujian Chi-squared tidak dijalankan oleh kerana kesukaran untuk memperolehi nilai jangkakan melebihi 5.

perkhidmatan angkut dan rantaian. Tetapi, dan ini telah diperlihatkan dalam kes estet di Kulim, terdapat juga anggaran yang lebih jauh daripada realiti, dan ini berkait rapat dengan kriteria-kriteria yang menggambarkan aspek-aspek lokasi estet ini: kesampaian kepada pasaran, pelabuhan, lapangan terbang dan input pembuatan. Sebagai contoh, daripada Rajah 3 kurang daripada 25 peratus daripada responden di Tikam Batu menganggap lokasi mereka kurang memuaskan dari segi kesampaian kepada pasaran, pelabuhan dan input pembuatan, tetapi lebih daripada 40 peratus daripada responden



RAJAH 3. Persepsi Industrialis di Pulau Pinang dan Kedah Terhadap Kawasan Perindustrian Tikam Batu – Satu Perbandingan

di Pulau Pinang beranggapan bahawa aspek-aspek ini merupakan di antara masalah di estet ini. Dalam kes kesampaian kepada input pembuatan, 53 peratus daripada responden di Pulau Pinang kurang optimis.

ESTET PERINDUSTRIAN BAKAR ARANG

Dalam kes estet di Bakar Arang, analisis menunjukkan tahap persetujuan yang amat rendah di antara persepsi responden di negeri Pulau Pinang dengan industrialis setempat. Kebanyakan kriteria dalam Gambarajah 4 terletak jauh daripada garisan penilaian serupa, dan apabila diuji dengan kaedah Chi-squared kriteria-kriteria ini menghasilkan dapatan pada paras keertian yang tinggi (Jadual 13). Hanya tiga faktor sahaja – ruang untuk berkembang, tenaga buruh wanita yang tersedia dan rantaian – terletak berhampiran dengan garisan penilaian serupa dan kriteria-kriteria ini menghasilkan dapatan Chi-squared yang tidak konklusif. Penilaian agak rendah daripada realiti di kalangan responden daripada kawasan pusat sedikit sebanyak mencerminkan pengetahuan yang cetek

JADUAL 13. Perbezaan dalam persepsi industrialis di kawasan pusat dan di kawasan pinggir bagi estet perindustrian Bakar Arang


	Chi-squared DK	
<i>Dapatan konklusif</i> ⁽¹⁾		
Kesampaian kepada sumber-sumber input pembuatan	348.29	1
Kesampaian kepada pasaran	275.81	3
Kesampaian kepada perkhidmatan pelabuhan di Pulau Pinang	218.65	1
Kecukupan dan kesesuaian kemudahan-kemudahan awam	138.06	1
Tenaga kerja mahir dan separuh mahir	95.28	2
Kualiti persekitaran estet-estet perindustrian	57.79	2
Kecukupan jaringan pengangkutan	48.19	1
Kesampaian kepada perkhidmatan lapangan terbang di Pulau Pinang	44.06	2
Kecukupan firma-firma atau kontraktor-kontraktor angkut	8.54	1
<i>Dapatan tidak konklusif</i>		
Tenaga kerja wanita yang tersedia	7.75	3
Peluang untuk mewujudkan rangkaian perkhidmatan dan industri	2.16	2
Kawasan untuk pengembangan yang tersedia	0.76	2
Kos tapak perindustrian ⁽²⁾		

Nota:

⁽¹⁾ Semua dapatan pada paras keertian melebihi 0.1 peratus, kecuali dalam kes kecukupan firma angkut di mana paras keertian ialah 5.0 peratus. Dapatan tidak konklusif utama hanya secara marginal di bawah paras keertian 5.0 peratus.

⁽²⁾ Ujian Chi-squared tidak dijalankan oleh kerana kesukaran untuk memperoleh nilai jangkauan melebihi 5.

terhadap keadaan setempat, terutama sekali berkaitan dengan bekalan agak sama telah diperlihatkan dalam kes Tikam Batu. Tetapi, dalam kes Bakar Arang, masalah berhubung dengan pergerakan – terutama sekali jaringan jalan raya dan industri angkut – juga kurang betul taksirannya. Keadaan ini dianggap tidak menimbulkan masalah sangat. Sebaliknya, masalah berhubung dengan faktor kesampaian dan kriteria-kriteria lain telah diperbesar-besarkan




RAJAH 4. Persepsi Industrialis di Pulau Pinang dan Kedah Terhadap Kawasan Perindustrian Bakar Arang – Satu Perbandingan

oleh responden daripada kawasan pusat. Rajah 4 menunjukkan kehebatan salah anggaran ini. Kesampaian kepada lapangan terbang, pelabuhan dan pembekal input pembuatan semuanya dianggap sebagai kurang memuaskan oleh sekurang-kurangnya 54 peratus daripada responden di negeri Pulau Pinang. Walau bagaimana pun, nilai 'tidak memuaskan' yang paling tinggi di kalangan industrialis di Bakar Arang ialah 28 peratus (untuk kesampaian kepada lapangan terbang) dan dalam kes-kes lain nilai ialah di bawah 25 peratus.

ESTET PERINDUSTRIAN MERGONG

Tahap persetujuan di antara responden di kawasan pusat dan di Mergong adalah rendah sekali, walau demikian, ternyata sekali sebilangan ramai daripada dua kelompok responden ini menganggap lokasi yang paling jauh ini sebagai 'tidak memuaskan' dari segi kesampaian kepada perkhidmatan lapangan terbang dan pelabuhan (Rajah 5). Merujuk kepada kriteria-kriteria lain, masalah berkaitan dengan penawaran tenaga kerja dianggap sebagai tidak



RAJAH 5. Persepsi Industrialis di Pulau Pinang dan Kedah Terhadap Kawasan Perindustrian Mergong – Satu Perbandingan

begitu merungsingkan, tetapi kecenderungan ialah bagi responden di kawasan pusat untuk memperbesar-besarkan masalah operasi daripada lokasi yang sebegini jauh. Kebanyakan kriteria terletak jauh daripada garisan penilaian serupa (Rajah 5), dan menghasilkan dapatan yang bererti apabila diuji dengan kaedah Chi-squared (Jadual 14). Daripada jadual ini didapati bahawa dua kriteria – kerumitan berkaitan dengan dua masalah ini telah dianggap tidak penting di estet-estet lain – diperbesar-besarkan di Mergong. Kriteria-kriteria ini adalah bekalan kemudahan awam dan keadaan alam sekitar. Tetapi paling penting sekali ialah kecenderungan bagi responden daripada kawasan pusat untuk memperbesar-besarkan masalah berkaitan dengan penawaran tenaga kerja mahir, kesampaian kepada pasaran dan pembekal input pembuatan. Di antara 63 hingga 82 peratus daripada kelompok ini beranggap sedemikian. Namun demikian, hanya 25 peratus daripada responden di Mergong yang berpendapat kesampaian kepada pembekal input pembuatan kurang memuaskan, dan bagi kesampaian kepada pasaran dan penawaran tenaga mahir skor adalah lebih rendah.

JADUAL 14. Perbezaan dalam persepsi industrialis di kawasan pusat dan di kawasan pinggir bagi estet perindustrian Mergong

	Chi-squared	DK
<i>Dapatan konklusif⁽¹⁾</i>		
Tenaga kerja mahir dan separuh mahir	559.44	2
Peluang untuk mewujudkan rantaian perkhidmatan dan industri	420.28	2
Kesampaian kepada pasaran	275.80	3
Kesampaian kepada sumber-sumber input pembuatan	249.24	2
Kecukupan jaringan pengangkutan	183.70	2
Kecukupan firma-firma atau kontraktor-kontraktor angkut	140.97	2
Tenaga kerja wanita yang tersedia	136.23	2
Kecukupan dan kesesuaian kemudahan-kemudahan awam	120.54	2
Kesampaian kepada perkhidmatan lapangan terbang di Pulau Pinang	116.50	2
Kesampaian kepada perkhidmatan pelabuhan di Pulau Pinang	82.51	2
Kawasan untuk pengembangan yang tersedia	28.38	2
Kualiti persekitaran estet-estet perindustrian	7.12	2
<i>Dapatan tidak konklusif</i>		
Kos tapak perindustrian ⁽²⁾		

Nota:

⁽¹⁾Semua dapatan pada paras keertian melebihi 0.1 peratus, kecuali dalam kes kualiti persekitaran di mana paras keertian ialah 5.0 peratus

⁽²⁾Ujian Chi-squared tidak dijalankan oleh kerana kesukaran untuk memperoleh nilai jangkaan melebihi 5.


PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Artikel ini telah memperlihatkan bahawa persepsi negatif industrialis di kawasan pusat terhadap kawasan pinggir berkait rapat dengan jarak daripada kawasan pusat: apabila jarak ini bertambah industrialis berkecenderungan untuk mengandaikan suasana operasi bertambah buruk. Huraian setakat ini telah memperlihatkan


juga membawa responden di lokasi-lokasi di negeri Kedah mengakui realiti masalah operasi di estet-estet tertentu, tetapi ini semua lazimnya dianggap sebagai tidak begitu merumitkan. Lagi pun, analisis ke atas respon industrialis di kawasan pinggir menunjukkan bahawa perkaitan di antara tahap ketidakpuasan dengan jarak daripada kawasan pusat tidak begitu jelas. Penemuan ini penting sekali oleh kerana ianya menonjolkan bahawa – manakala terdapat satu kecenderungan bagi usahawan di kawasan pusat untuk memperbesar-besarkan masalah operasi di kawasan pinggir – ini tidak bermakna mereka sentiasa bersikap pesimis terhadap kawasan pinggir. Dalam kes-kes tertentu terdapat juga persetujuan di antara dua kelompok responden ini, dan dalam kes-kes lain responden di kawasan pusat sebenarnya bersikap optimis. Ini telah terbukti untuk beberapa kriteria bagi estet-estet yang berhampiran dengan kawasan pusat. Maka, tidak syak bagi kita untuk menyimpulkan bahawa, untuk semua kriteria, responden di kawasan pusat bersikap terlalu pesimis terhadap kawasan pinggir. Sikap begini tidak tepat sekali apabila penilaian ialah terhadap lokasi yang paling jauh. Jika beginilah keadaannya, data perlu dianalisis semula untuk menentukan dengan lebih tepat lagi kepelbagaian perkaitan di antara kriteria penilaian, persepsi dan jarak daripada kawasan pusat.

Daripada Rajah 6, untuk tiap-tiap satu kriteria pertapakan, nilai 'tidak memuaskan' kedua-dua kelompok responden diplotkan untuk tiga estet. (Estet di Tikam Batu telah diketepikan oleh kerana bilangan responden yang berjumlah kecil boleh mempengaruhi peratusan nilai 'tidak memuaskan'.) Plot-plot ini kemudiannya telah disambungkan untuk menghasilkan satu graf garisan untuk tiap-tiap satu kriteria, dan tiap-tiap graf garisan ini telah dibandingkan antara satu dengan yang lain. Dua daripada 13 kriteria – kualiti persekitaran estet-estet perindustrian dan kos tapak – tidak memperlihatkan sebarang perbezaan ruangan yang jelas. Tetapi 11 kriteria lagi boleh dikelaskan ke dalam empat kumpulan, tiap-tiap satunya memperlihatkan satu bentuk sisihan yang jelas di antara persepsi industrialis di kawasan pusat dengan mereka yang beroperasi di kawasan pinggir.


Kumpulan 1 (Rajah 6 (a)) terdiri daripada kriteria-kriteria seperti penawaran buruh separa mahir dan mahir, kesampaian kepada pasaran dan kesampaian kepada pembekal input pembuatan. Dalam kes-kes ini ternyata sekali kecenderungan bagi penilaian negatif terhadap masalah di kawasan pinggir (lazimnya diperbesar-




RAJAH 6a Persepsi Terhadap Lokasi-lokasi Tertentu di Kedah.



RAJAH 6b Persepsi Terhadap Lokasi-lokasi Tertentu di Kedah.



RAJAH 6c Persepsi Terhadap Lokasi-lokasi Tertentu di Kedah.



RAJAH 6d Persepsi Terhadap Lokasi-lokasi Tertentu di Kedah.

besarkan) meningkat daripada kurang merumitkan di Kulim kepada paling serius di Mergong. Peningkatan dalam persepsi negatif ini tidak begitu jelas, oleh kerana anggaran yang melampaui realiti untuk tiga kriteria ini adalah tinggi juga bagi estet di Bakar Arang. Namun demikian, kontras di antara Kulim dan Mergong adalah jelas sekali.

Rajah 6(b) memperlihatkan set persepsi yang berbeza bagi kesampaian kepada perkhidmatan lapangan terbang dan pelabuhan. Dalam kes kumpulan ini, jelas bahawa anggaran industrialis di kawasan pusat terhadap masalah di kawasan pinggir tidak berbeza sangat daripada realiti. Kecenderungan ini diperhebatkan untuk kawasan selepas Bakar Arang. Tetapi untuk lokasi berhampiran dengan Pulau Pinang kedua-dua kelompok responden bersetuju bahawa jarak daripada perkhidmatan-perkhidmatan di atas menimbulkan masalah yang rumit sekali.

Kumpulan 3 pula terdiri daripada dua kriteria: tersedianya ruang untuk berkembang dan penawaran buruh wanita (Rajah 6(c)). Untuk kriteria-kriteria ini, persefahaman di antara dua kelompok responden sekali lagi jelas terbukti, tetapi dalam kes ini ianya berkait dengan lokasi berhampiran dengan kawasan pusat, bukan dengan kawasan yang jauh. Masalah berhubung dengan kriteria ini dianggap sebagai tidak begitu penting di Kulim dan Bakar Arang. Walau bagaimana pun kontras dalam persepsi adalah jelas dalam kes Mergong. Anggaran responden di Pulau Pinang terhadap masalah penawaran tenaga wanita dan ruang untuk berkembang di Mergong jauh lebih rendah daripada keadaan sebenar.

Akhir sekali, silap tanggapan di kalangan industrialis di kawasan pusat adalah ciri utama kumpulan 4 (rantaian, kemudahan awam, jaringan jalan raya dan perkhidmatan angkut: Rajah 6 (d)). Anggaran jauh lebih rendah daripada keadaan sebenar adalah lebih kerap dalam kes lokasi-lokasi berhampiran dengan kawasan pusat. Dalam banyak keadaan andaian berhubung dengan kesesuaian suasana operasi di kawasan pinggir tidak wajar, manakala anggaran yang melampau terhadap Mergong berjulat daripada sederhana hingga paling serius. Persepsi tidak tepat untuk kumpulan ini adalah sama hebatnya dengan kumpulan 1 namun demikian, oleh kerana nilai-nilai yang berbeza terhadap lokasi-lokasi yang berhampiran dengan kawasan pusat, ketidaktepatan persepsi tidak serupa untuk dua kumpulan ini.

Penemuan ini mempunyai implikasi penting kepada bidang

akademik dan juga kepada aktiviti perancangan. Dalam bidang kajian perilaku penemuan yang dilaporkan di atas memperlihatkan lagi betapa kompleksnya isu-isu berhubung dengan ketepatan dan ketidaktepatan persepsi. Daripada apa yang telah disampaikan dalam artikel ini bolehlah diandaikan bahawa ketidaktepatan persepsi menjadi hebat selaras dengan pertambahan jarak daripada kawasan pusat, dan dalam kes-kes tertentu ini mungkin betul. Tetapi ini tidak sah dalam semua keadaan. Memandangkan keadaan ini peluang untuk mengkaji dengan lebih mendalam lagi aspek-aspek ini terbuka luas. Usaha-usaha mestilah ditumpukan ke arah mengenalpasti sisihan daripada andaian di atas dan keadaan-keadaan ini terjadi.

Bagi ahli-ahli perancang, penemuan yang telah dilaporkan menjadi alasan penting bahawa strategi-strategi untuk mempengaruhi agihan dalam ruangan pelaburan mesti mengambilkira, dan berusaha untuk memberi pampasan bagi, persepsi yang tidak tepat. Oleh kerana dalam banyak aspek pelabur boleh memperbesar-besarkan masalah operasi di kawasan pinggir, jurang di antara imej dan realiti mestilah dirapatkan. Ahli-ahli perancang tidak sepatutnya mengandaikan bahawa mismatch imej/realiti ini paling serius di lokasi-lokasi di kawasan pinggir yang terjauh sekali sahaja. Dalam artikel ini telah diperlihatkan bahawa nilai industrialis di kawasan pusat terhadap kesampaian kepada perkhidmatan lapangan terbang dan pelabuhan tidak tepat dalam kes Bakar Arang, ia itu estet yang hanya lebih kurang 40 km daripada Pulau Pinang. Selain daripada ini, keupayaan pelabur untuk bersikap optimis terhadap masalah di kawasan pinggir tidak boleh dipandang ringan. Dalam konteks anggaran yang bersifat optimis respon perancangan yang paling sesuai bukanlah dalam bentuk tindak usaha untuk memperbetulkan imej terhadap kawasan pinggir di kalangan bakal pelabur. Tindak usaha bentuk ini pasti akan mengurangkan kadar kemasukan pelaburan baru kawasan-kawasan ini. Sebaliknya, perancang mestilah menumpukan perhatian kepada langkah-langkah untuk memperbaiki keadaan di kawasan pinggir supaya ianya selaras dengan pengharapan pelabur. Daripada Rajah 6(d) bolehlah dibuat kesimpulan bahawa, dalam keadaan tertentu, boleh dicapai dengan memperluaskan lagi pelaburan dalam aspek-aspek di mana sistem perancangan mempunyai pengaruh kuat. Contohnya ialah pembekalan kemudahan awam dan jaringan jalan raya yang memuaskan di Kulim dan Bakar Arang. Masalah ber-

kaitan dengan rantaian dan perkhidmatan angkut adalah dikawal oleh keadaan pasaran: dalam kes-kes ini cara penyelesaian yang sesuai mungkin sukar sedikit untuk dikenalpasti, tetapi usaha-usaha ke arah penyelesaian mesti dicari.

RUJUKAN

- Albrechts, L. et al. 1989. *Regional policy at the crossroads-European perspectives*. London: Jessica Kingsley Publishers.
- Barr, B. M & N. M. Waters. 1980. The application of cluster analysis to entrepreneurial perceptions of regional economic environments, *Environment and Planning A* 12: 869 – 879.
- Department of statistics. 1970. *General Report of the Population Census, 1970*. Kuala Lumpur: Government Printers.
- Downs, R. M & D. Stea. 1977. *Image and Environment: Cognitive Mapping and Spatial Behaviour*. London: Edward Arnold.
- Gould, P. 1973. On mental maps. Dlm. *Image and Environment*, hlm. 182 – 220, R.M. Downs dan D. Stea (ed). Chicago: Aldine Publishing Company.
- Gould, P & R. White. 1974 *Mental Maps*. Harmondsworth: Penguin.
- Green, D. H. 1974. *Information, perceptions and decision-making in the industrial relocation decisions*. Tesis Ph.D University of Reading.
- Green, D.H. 1977. Industrialists' information levels of regional incentives. *Regional Studies* 11: 7 – 18.
- Hirschman, A. O. 1958. *The Strategy of Economic Development*. New Haven: Yale University Press.
- McDermott, D. J & M.J. Taylor. 1976. Attitudes, images and location: the subjective context of decision-making in New Zealand manufacturing. *Economic Geography* 52: 325 – 347.
- Government of Malaysia. 1986 *Fifth Malaysia Plan, 1986 – 90*. Kuala Lumpur: Government Printers.
- Morshidi, S. 1988. 'Industrialists' perceptions and the implications for peripheral area development: the case of Pulau Pinang dan Kedah. *Malaysian Journal of Tropical Geography* 18: 35 – 45.
- Morshidi, S. 1991. 'Persepsi pelabur dan pembangunan industri di antara kawasan-kawasan pusat pinggir di negeri-negeri Pulau Pinang dan Kedah', (akan diterbitkan dalam *Kajian Malaysia*).
- Mueller, E. , A. Wilken & M. Wood 1961. *Location Decisions and Industrial Mobility in Michigan*. Institute for Social Research, University of Michigan, Ann Arbor.
- Neville, R. J. & M. J. Taylor. 1980. The impact of government on managerial attitudes – a Singapore example. *Tijdschrift voor Econ. en Soc. Geographie* 71: 223 – 227.

- Newby, P 1971. Attitudes to a business environment: the case of the assisted areas of the South West, Dlm. *Exeter Essays in Geographic*, hlm. 185 – 200, K. Gregory & W. L. Ravenhill (Ed.) Exeter: University of Exeter.
- SERU. 1982. *The Locational Survey of Manufacturing Firms*. Kuala Lumpur: Socio-economic Research Unit.
- Stafford, H. A. 1974. The anatomy of the location decision: content analysis of the case studies. Dlm. *Spatial Perspectives on Industrial Organisation and Decision-making*, hlm. 169 – 187, F. E. I. Hamilton (Ed). New York: Wiley.
- Watt, H. D. 1987. *Industrial Geography*. Essex: Longman Scientific and Technical.
- Wong, P. K. & K. L. Chee. 1984. *Employment – Penang Island Structure Report*. Pusat Penyelidikan Dasar, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Zehender, W., J. Gerau, H. Heins, A. Kloke & B. Koberstein. 1978. *Industrial Location Behaviour of Malaysian Decentralization Policy*. Berlin: German Development Institute.

Bahagian Geografi
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
11800 Pulau Pinang